

15 JAN 1996

Lipis - Calon

KEMENANGAN TANPA BERTANDING BUKTI PEMBANGKANG TIADA ISU

KUALA LIPIS, 15 Jan (Bernama) -- Amihamzah Ahmad, calon Barisan Nasional (BN) yang menang tanpa bertanding bagi kawasan Parlimen Lipis, berkata kemenangan itu membuktikan parti pembangkang ketiadaan isu dan tidak mahu berdepan dengan parti pemerintah.

Katanya, beliau tidak sangka menang dengan cara itu kerana pada mulanya menjangka parti pembangkang akan meletakkan calon untuk bertanding.

Parti pembangkang mungkin merasa ketiadaan isu politik dan isu pembangunan untuk diketengahkan lalu tidak mahu meletakkan calon, katanya kepada pemberita sejurus selepas beliau diisytiharkan sebagai pemenang pilihan raya kecil itu, di Pejabat Daerah Lipis, di sini.

Terdahulu semasa membuat ucapan sulung setelah diisytiharkan pemenang, beliau berkata kemenangan itu juga mencerminkan rakyat menerima pembangunan yang dibawa oleh BN bukan sahaja di daerah ini tetapi juga di Malaysia secara keseluruhannya.

Beliau berkata ini juga membuktikan pengundi Lipis mahukan kesinambungan dalam pembangunan yang dibawa oleh wakil rakyat terdahulu, Allahyarham Datuk Abu Dahari Osman dari BN, yang meninggal dunia pada 29 Dis lepas kerana barah usus.

Amihamzah berkata beliau berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob yang memberi kepercayaan kepadanya untuk bertanding sebagai calon.

Katanya, beliau turut berterima kasih kepada para penyokong BN, termasuk dari luar Pahang yang turut hadir pada hari penamaan calon hari ini.

"Saya bersyukur memenangi pilihan raya kecil ini...InsyaAllah saya akan berkhidmat dengan penuh dedikasi dan sebaik mungkin," katanya.

Calon Bebas, Selvarajoo a/l Kalliannan, 36, yang turut mengemukakan borang pencalonan tetapi pada minit-minit akhir sebelum pusat penamaan calon ditutup pukul 11 pagi mengemukakan borang penarikan balik pencalonannya, semasa ditemui pula berkata beliau menarik balik borangnya kerana menyokong kepimpinan Khalil.

Selvarajoo, seorang ahli perniagaan yang beralamat di Blue Valley, Cameron Highlands, berkata pada mulanya beliau berhasrat bertanding kerana menurutnya terdapat beberapa masalah seperti soal hak miik tanah di Cameron Highlands yang belum diselesaikan.

Tetapi, katanya, setelah beliau menemui Khalil tadi, beliau yakin masalah itu akan dapat diatasi oleh Menteri Besar.

"Oleh itu saya menyokong BN dan kepimpinannya," katanya tanpa mahu mengulas panjang. Beliau bertolak dari Cameron Highlands kira-kira pukul 3 pagi tadi dengan dua buah kereta bersama-sama empat orang termasuk penyokong dan pencadangnya dan tiba di sini pada pukul 8.30 pagi. --

BERNAMA